



Headline	Sapura bawa bekalan tipis		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 May 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	61	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,574
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,721



Sapura bawa bekalan tipis

Oleh NOR AZIRAN YUNUS

aziran.yunus@kosmo.com.my

SAPURA hanya membawa bekalan tipis untuk menghadapi aksi suku akhir kedua Piala Tenaga Nasional (TNB) selepas menewaskan Universiti Kuala Lumpur 3-2 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.

Bagaimanapun, jurulatih Sapura, Tai Beng Hai tetap berpuas hati dengan persembahan yang dipamerkan anak-anak buahnya pada perlawanan tersebut.

"Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan permainan kami hari ini (semalam). Kami memiliki beberapa peluang terbaik untuk menambah jaringan tetapi tidak bernasib baik.

"Saya akan pastikan pada perlawanan kedua esok jentera serangan kami tampil lebih tajam serta menjelmakan setiap peluang untuk jaringan.

Beng Hai berkata, kedua-dua pasukan

bermain agak berhati-hati pada perlawanan itu dan peluang untuk ke separuh akhir masih terbuka buat Sapura dan UniKL.

Pada perlawanan tersebut, Sapura bermula garang apabila pemain import, Muhammad Zubair membuka jaringan seawal minit kelima menerusi satu situasi kelam-kabut di depan pintu gol UniKL.

Seminit sebelum berehat, seorang lagi tonggak import Sapura, Khadif Ali berjaya menyempurnakan pukulan sudut penalti untuk Sapura mendahului 2-0.

Selepas rehat separuh masa, UniKL kembali memperkemas jentera serangan dan hasilnya pada minit ke-53, penyerang ber-bisa, Mohd. Noor Faez Ibrahim berjaya menjaringkan gol pertama pasukannya.

Sepuluh minit kemudian, Khasif Ali menjaringkan gol ketiga Sapura menerusi satu pukulan sudut penalti.

Namun, UniKL enggan mengalah dan Mohd. Noor Faez menjaringkan gol kedua peribadi pada minit ke-67, sekali gus mengesahkan kemenangan 3-2 Sapura.

Sementara itu, jurulatih UniKL, Arul Selvaraj kurang berpuas hati dengan prestasi pemain-pemainnya.

"Mereka (pemain) malas berlari serta memberi terlalu banyak ruang untuk Sapura. Namun, saya tetap yakin kami mampu menang pada aksi kedua esok dan mara ke separuh akhir," kata Arul.

Sementara itu, TNB turut menewaskan Terengganu Hockey Team (Terengganu HT) 3-2. Gol TNB dijaringkan oleh Faizal Saari (dua gol) dan Mohd. Azammi Abadi manakala Mohd. Amerullah Aziz serta Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil menyumbat gol buat Terengganu HT.



PEMAIN UniKL, Mohd. Hafiz Zainol (kiri) cuba merampas bola daripada pemain Sapura pada aksi suku akhir pertama Piala TNB di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.

PIALA TNB			
KEPUTUSAN SUKU AKHIR PERTAMA			
TENAGA NASIONAL BERHAD			
SAPURA	3	UNIKL	2
TNB	3	TERENGGANU HT	2